

# **ASAS KEUSAHAWANAN 300**

## ***DURAINFO ENTERPRISE***

*Disediakan untuk :*

**EN. KHAIRUL ANWAR SUBARI**  
**Pensyarah Asas Keusahawanan**  
**ITM Cawanagan Perlis**

*Disediakan Oleh :*

<b>SABRI HJ TAJUDDIN</b>	<b>96763513</b>
<b>HASLINDA BT MOHD FAKHARI</b>	<b>96666764</b>
<b>HANIZA ABD HAMID</b>	<b>96468123</b>
<b>JOERAIMI BIN JONIT</b>	<b>96535288</b>

**ISI KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

MUQADDIMAH	1
SURAT PENYERAHAN	2
SURAT IKATAN PERJANJIAN	5
LOGO DAN DEFINASI LOGO	9
PENGENALAN	12
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	13
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	15
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	16
RANCANGAN PENTADBIRAN	20
RANCANGAN PEMASARAN	34
RANCANGAN OPERASI	56
RANCANGAN KEWANGAN	66
RUMUSAN	78
LAMPIRAN	80

## **PENGENALAN**

Era teknologi maklumat merupakan satu bidang yang semakin diutamakan dan penting di dalam arus pembangunan masa kini. Keperluan yang utama ini adalah sebagai satu tunjang dalam menyokong pembangunan dan taraf kehidupan manusia. Perniagaan seperti ini adalah yang pertama diceburi oleh kaum bumiputera yang mana ianya memerlukan modal yang sederhana.

Kami telah memilih lokasi untuk perniagaan kami ini di Mergong, Alor Setar Kedah. Kami juga bercadang untuk memulakan perniagaan kami ini pada 1hb Januari 2000. Kami memilih perniagaan ini kerana perniagaan ini tidak pernah dijalankan oleh mana-mana syarikat sebelum ini.

Dalam mencapai matlamat negara berteknologi maklumat, kami cuba untuk mengembangkan lagi perniagaan yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Iaitu dengan cara mempelbagaikan saluran mendapatkan maklumat. Tiga maklumat utama adalah Pendidikan, Ekonomi serta Sains & Teknologi.

Memandangkan Malaysia banyak memperkenalkan dan menyokong perniagaan yang berkaitan dengan teknologi maklumat, maka kami menjangjakan perniagaan ini mempunyai potensi untuk berkembang di masa akan datang. Sasaran perniagaan ini tidak hanya tertumpu kepada sesetengah golongan sahaja tetapi meliputi setiap golongan yang memerlukan maklumat terkini. Walaupun sesetengah pihak menganggap perniagaan ini sukar untuk diperkenalkan namun ia mempunyai potensi untuk maju hingga berjaya.

## **TUJUAN PENUBUHAN DURAINFO ENTERPRISE**

DuraInfo Enterprise adalah sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan memberi maklumat perkhidmatan memberi maklumat kepada orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat terutama para pelajar dan orang perseorangan yang terlibat dalam aktiviti penggunaan maklumat.

Sebagai sebuah syarikat yang menawarkan maklumat, segala maklumat yang disediakan akan dikemaskini dari masa ke semasa agar tidak ketinggalan dengan dunia semasa. Tiga komponen maklumat utama yang ditawarkan adalah Pendidikan, Sains & Teknologi dan Ekonomi.

Setiap maklumat yang ditawarkan akan dikenakan cas yang berpatutan supaya tidak membebankan pengguna. Melalui rangkaian telefon, pengguna boleh menghubungi operator di syarikat kami dan memberitahu maklumat apakah yang dikehendaki. Permintaan pelanggan akan dilayan secepat mungkin. Bukan itu sahaja, pelanggan juga dipelawa ke syarikat kami untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan.

Dengan penubuhan syarikat kami iaitu DuraInfo Enterprise, diharapkan teknologi Maklumat dapat diperkembangkan lagi sejajar dengan saranan kerajaan.

**LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Nama Perniagaan	: DuraInfo Enterprise
Alamat Perniagaan	: No 200 B&C, Medan Putra, Seberang Jln Putra, 05150 Alor Setar, Kedah.
Alamat Surat-Menyurat	: SDA
Nombor Telefon	: 600-85-6969
Nombor Faks	: 004-7346969
Bentuk Perniagaan	: Perkongsian
Kegiatan Utama	: Mewujudkan perniagaan yang berbentuk Perkhidmatan memberi maklumat terkini mengenai Pendidikan, Ekonomi serta Sains & Teknologi.
Tarikh Memulakan Perniagaan	: 1 hb Januari 2000
Tarikh Pendaftaran Syarikat	: Dalam proses
Modal Pemulaan	: RM 150125
Nombor pendaftaran Syarikat	: Dalam proses
Nama Bank	: Bank Islam
Nama Akaun Bank	: Dalam proses
Jenis Akaun	: Akaun Semasa